

Air bertakung punca rumput mati

Mempunyai laman cantik dengan rumput menghijau pasti menjadi impian setiap pemilik kediaman biarpun hanya mempunyai ruang terhad.

Hakikatnya, menghijaukan laman dengan kehadiran rumput segar bagaikan permaidani bukan kerja mudah kerana anda perlu ada pengetahuan mengenainya.

Seeloknya dapatkan maklumat lanjut mengenai rumput sama ada melalui pembacaan atau nasihat pakar bagi menyerikan laman seindah perumahan mewah atau padang golf.

Sebenarnya lebih 9,000 spesies rumput di muka bumi ini tetapi di negara ini hanya empat jenis yang sesuai dan biasa menghiasi laman kediaman iaitu cowgrass atau axonopus compressus, bermudagrass (cynadon dactylon), serangoongrass (digitaria didactyla) dan zoysiagrass.

Biasanya bulan pertama adalah waktu yang kritikal bagi penanaman rumput kerana ia perlukan penjagaan rapi, air dan baja yang sesuai.

Pemilihan benih rumput juga penting dan pastikan berasal dari pokok yang elok, tidak cacat dan berwarna kuning.

Seterusnya kenal pasti tanah untuk memastikan tidak berlopak, ada batu dan benda asing yang boleh merencatkan pertumbuhan rumput.

Pada peringkat itu, anda perlu membuang semua sampah, batu dan benda asing yang terdapat di laman.

Selepas selesai bersihkan laman, periksa jika perparitan berhampiran atau kawasan lopak yang boleh menyebabkan air bertakung.

Ratakan tanah supaya tidak ada kawasan cerun atau berlubang yang boleh menakung air.

Tutup kawasan berkenaan dengan tanah berwarna kuning dan ratakan sebelum proses menanam rumput cowgrass.

Bagi rumput jenis permaidani atau carpetgrass dan mutiara atau pearlgrass, selepas lapisan tanah kuning perlu ditutup selapis dengan pasir.

Ini kerana pasir boleh menutup ruang kosong sementara kedua jenis rumput ini perlu ditanam rapat-rapat bagi mengelak air bertakung atau merosakkan akarnya.

Langkah meletakkan pasir bagi menghalang pertumbuhan pokok dan rumput tidak diingini atau dikenali sebagai missgrass.

Dalam tempoh sebulan, rumput perlu disiram dua kali sehari pagi dan petang serta dibaja sekali dalam tempoh dua hingga tiga hari.

Baja yang paling sesuai ialah jenis organik atau najis haiwan, namun elak menggunakan baja tahi ayam kerana ia panas dan kurang sesuai untuk pokok renek seperti rumput.

Selepas sebulan, rutin siraman dan baja diteruskan tetapi jika rumput semakin panjang, disarankan supaya memotongnya tetapi jangan terlalu pendek hingga menampakkan tanah.

Keadaan itu boleh mendedahkan rumput pada air yang boleh menyebabkan air bertakung dan merosakkan akar serta mempercepatkan rumput mati.

Jika rumput di laman kelihatan kuning, ia bermakna tidak cukup baja dan kekurangan cahaya matahari.

Rumput yang terlalu panjang terutama bagi jenis permaidani boleh menyebabkan air bertakung, rumput cepat rosak dan mati.